

USIM tawar e-hailing harga murah tangani prebet sapu

Oleh [Ahmad Hasbi](#) - Julai 15, 2024 @ 10:08am
bhnews@bh.com.my



NILAI: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam usaha mendapatkan khidmat penyedia perkhidmatan e-hailing bagi menangani isu prebet sapu membabitkan penuntut institusi berkenaan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof Datuk Dr Adnan Mohamed Yusoff, berkata syarikat berkenaan menawarkan tambang berpatut tan kepada penuntut selain turut mengambil mereka sebagai pemandu.

Katanya, perbincangan dengan syarikat perkhidmatan e-hailing itu sudah dilakukan dan kini sedang menunggu kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan.

"Syarikat e-hailing masih lagi menunggu kelulusan daripada agensi berwajib seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum menawarkan perkhidmatan kepada penuntut di USIM.

"Difahamkan, syarikat e-hailing ini turut beroperasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM)," katanya ketika ditemui.

Media sebelum ini melaporkan penuntut sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) di daerah ini dikesan terbabit dengan penawaran perkhidmatan prebet sapa kepada rakan universiti.

Kegiatan itu mendapat aduan daripada ibu bapa sebelum JPJ Negeri Sembilan melancarkan operasi khas sebelum menahan beberapa pelajar hasil penyamaran sebagai penumpang.

Adnan berkata dengan kerjasama daripada syarikat berkenaan, pihaknya yakin dapat mencegah aktiviti prebet sapa yang mana ia bertentangan dengan undang-undang negara ini.

"Ia secara tidak langsung memberi perlindungan kemalangan dan peluang pekerjaan kepada individu yang berminat menjalankan perkhidmatan itu," katanya.

Mengulas lanjut, susulan operasi yang dijalankan JPJ pada Mei lalu itu, isu berkenaan menjadi panas dalam kalangan penuntut dan pihaknya sudah memanggil mahasiswa yang terbabit.

Jelas beliau, pihaknya mendapatkan maklum balas daripada penuntut dan memberi amaran kerana sebagai pelajar tidak boleh terbabit dengan kegiatan yang melanggar undang-undang negara.

"Alasan diberi pada awalnya adalah ingin menolong rakan dan bukannya kerana terdesak mencari kewangan sendiri. Ada yang menggunakan perkhidmatan prebet sapa kerana tambang yang dikenakan lebih murah.

"Selain itu, perkhidmatan itu terpaksa digunakan penuntut untuk hadir ke kuliah kerana masa pengajian tidak selari dengan tempoh masa pengambilan bas disediakan USIM," katanya.